# Kata Kerja Aktif Transitif dan Kata Kerja Aktif Tak Transitif

**i-THINK**

**Kata Kerja**

- Kata Kerja Aktif Transitif
  - Kata kerja yang **mesti disertai objek**, iaitu kata nama.
  - Contoh: ***membaca*** *buku,* ***mendengar*** *lagu,* ***melukis*** *gambar*
- Kata Kerja Aktif Tak Transitif
  - Kata kerja yang **dapat berdiri sendiri** dengan makna yang lengkap dalam ayat.
  - Contoh: *duduk, hinggap, makan, pulang, bercakap, menangis, ternganga, tertawa*

- Kata kerja aktif transitif ialah kata kerja yang **menerima objek selepasnya**.
- Kata kerja aktif tak transitif ialah kata kerja **tidak memerlukan objek selepasnya**.




## Sistem Bahasa: Bahagian A

***A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.***

1. Zarina ________ beberapa pucuk surat ke dalam peti pos.
   - A mengisikan
   - B memasukkan
   - C mengambilkan
   - D menghulurkan

2. Zhin Lee ________ tiga ekor arnab dan dua ekor anjing.
   - A menjaga
   - B merawat
   - C mengasuh
   - D memelihara

3. Qaira hanya ________ apabila ditegur oleh abangnya.
   - A terjerit
   - B tersedar
   - C tersengih
   - D terganggu

4. Abang akan ________ motosikal kesayangannya pada setiap minggu.
   - A mencuci
   - B mengasah
   - C menjirus
   - D menyiram

**Soalan 5** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



5. Harlina suka ________ novel pada waktu lapang.
   - A menulis
   - B membeli
   - C membaca
   - D menconteng

6. Mimpi buruk itu menyebabkan Hadi tidak dapat ________ dengan lenanya.
   - A tidur
   - B rehat
   - C baring
   - D belajar

LIVEWORKSHEETS